

BIDANG AKADEMIK

1. Kempen penanaman seratus juta pokok di bawah program penghijauan Malaysia bertujuan meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai kepentingan kawasan hutan. Sebagai rakyat Malaysia, apakah sumbangan anda demi kejayaan kempen ini?
2. Hari Bumi diraikan pada 22 April setiap tahun di seluruh dunia sebagai usaha meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Rancang dan laksanakan sekurang-kurangnya satu aktiviti bersempena dengan sambutan Hari Bumi berdasarkan kepada tema semasa.



3. Anda dan rakan-rakan anda akan mengadakan satu aktiviti di atas semasa berkelah di tepi pantai. Fikirkan satu aktiviti yang boleh meningkatkan kesedaran tentang isu persekitaran ini kepada mereka yang berkunjung ke pantai itu.
4. Minat membaca untuk keseronokan dalam kalangan kanak-kanak mula merosot sekitar usia sembilan tahun. Laksanakan satu strategi yang boleh meningkatkan minat membaca kepada sekumpulan kanak-kanak di sekolah rendah.
5. Pilih seorang tokoh Pandu Puteri yang anda minati dan fikirkan satu kaedah yang sesuai untuk memperkenalkan beliau kepada sekumpulan ahli Pandu Puteri.
6. Pilih seorang tokoh wanita di Malaysia. Wajarkan pemilihan anda dan cadangkan bagaimana beliau dapat memainkan peranan dalam perkembangan Persatuan Pandu Puteri Malaysia.
7. Terdapat lima Pusat Dunia WAGGGS. Pilih satu Pusat Dunia dan promosikan lawatan ke Pusat Dunia tersebut kepada sekumpulan ahli Pandu Puteri dengan maklumat yang menarik.
8. Anda ditugaskan untuk menyediakan satu 'Gallery Walk' Sejarah Persatuan Pandu Puteri Malaysia di sekolah. Pilih satu lokasi yang sesuai di kawasan sekolah anda. Rancang dan bentangkan susun atur (lay-out) 'Gallery Walk' kepada pasukan anda.
9. Rancangkan aktiviti untuk sekumpulan ahli Pandu Puteri yang baharu tentang Persetiaan dan Undang-Undang Pandu Puteri.
10. Perubahan iklim memberikan impak yang negatif kepada kaum wanita dan gadis remaja yang tinggal di sesetengah negara yang kurang maju. Kongsikan carian anda dan bandingkan situasi dengan keadaan di negara anda.

11. Kongsikan kepentingan program Pandu Puteri dalam perkembangan JERI di kalangan murid-murid sekolah.
12. *“DON’T BELIEVE EVERYTHING YOU SEE”*. Kongsikan contoh-contoh situasi di mana kata-kata tersebut boleh diaplikasikan kepada sekumpulan gadis remaja.
13. Permainan Kim melatih seseorang untuk menggunakan semua organ deria kita. Rancang dan kendalikan satu permainan Kim untuk menguji keupayaan deria bagi sekumpulan Pandu Puteri Remaja.
14. Minat pelajar yang rendah terhadap mata pelajaran STEM mengakibatkan dasar 60:40 Sains dan Sastera ini gagal dicapai. Rancang aktiviti-aktiviti yang sesuai untuk sekumpulan pelajar sekolah rendah untuk menarik minat mereka terhadap STEM.
15. Demonstrasi aktiviti kokurikulum biasanya diadakan semasa minggu orientasi pada permulaan setiap tahun persekolahan. Rancang dan kendalikan satu demonstrasi selama 15 minit untuk menarik minat pelajar-pelajar baharu terhadap Pasukan Pandu Puteri Remaja/ Renjer.
16. Hasilkan satu cara yang kreatif untuk melatih sekumpulan ahli Pandu Puteri Remaja tentang istiadat pembentukan ladam kuda.
17. Hasilkan satu cara yang kreatif untuk melatih sekumpulan ahli Pandu Puteri Renjer tentang istiadat pembentukan formasi V.
18. Anda merupakan Pengerusi jawatankuasa pemilihan Ketua Pasukan Pandu Puteri Remaja/ Renjer untuk sesi persekolahan akan datang. Rancang pelaksanaan sebelum, semasa dan selepas pemilihan tersebut.
19. Gempa bumi boleh menyebabkan kehilangan nyawa dan kerosakan berjuta-juta ringgit. Dengan menggunakan bahan-bahan yang sedia ada, rekabentukkan satu alat ringkas yang boleh digunakan untuk mengesan gempa bumi.
20. Kendalikan satu forum tentang pengaplikasian undang-undang Pandu Puteri dalam menangani isu kenaikan harga makanan di sebuah keluarga.
21. Perubahan cuaca pada musim tengkujuh kadang-kadang menyebabkan banjir melanda. Sediakan risalah dan berkongsi langkah-langkah kesiapsiagaan menghadapi banjir dengan penduduk di kawasan tempat tinggal anda.
22. Pasukan Pandu Puteri Renjer telah diberikan tanggungjawab untuk mengelolakan Majlis Sambutan Hari Kebangsaan bertemakan “Cintai Negara Kita” di sekolah. Rancang aktiviti-aktiviti dan bentangkan program majlis tersebut kepada kapten pasukan.
23. Rancangkan satu aktiviti bercirikan penyelesaian masalah dan semangat berpasukan yang boleh dijalankan dalam satu perkhemahan Pandu Puteri.
24. Sampaikan maklumat mengenai Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Puteri Sedunia (WAGGGS) kepada sekumpulan Pandu Puteri dengan cara yang kreatif, menarik dan interaktif.

25. Gunakan kaedah yang kreatif untuk mendalami kefahaman ahli Pandu Puteri tentang Matlamat Pembangunan Mampan Sustainable Development Goals).
26. Pilih satu Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Rancang dan kendalikan satu aktiviti untuk memberi kesedaran kepada sekumpulan Pandu Puteri tentang isu global SDG tersebut.
27. Dengan menggunakan kaedah yang kreatif, tunjukajar cara membuat simpulan atau ikatan yang biasa digunakan untuk membina gejet dalam satu perkhemahan.
28. Pengambilan makanan segera membawa kesan yang buruk kepada kesihatan seseorang. Sebarkan kesedaran ini kepada sebilangan remaja tentang pemakanan yang sihat dengan cara yang menyeronokkan.
29. Pengurusan masa ditakrifkan sebagai keupayaan untuk merancang, mengatur dan mengawal masa anda. Kepentingan pengurusan masa boleh disemai dalam diri seseorang melalui aktiviti yang menyeronokkan. Berkongsi contoh-contoh aktiviti tersebut dan laksanakan satu aktiviti dengan para penonton.
30. Andaiya anda terpilih mewakili Persatuan Pandu Puteri Malaysia ke sebuah negara asing dalam Program Pertukaran Budaya WAGGGS. Kongsi persiapan anda untuk mempromosikan identiti Malaysia.
31. Andaiya anda terpilih mewakili Persatuan Pandu Puteri Malaysia ke sebuah negara asing dalam Program Pertukaran WAGGGS. Kongsi persiapan anda untuk mempromosikan imej Persatuan Pandu Puteri Malaysia.
32. Pasukan Pandu Puteri di sekolah anda akan menyertai satu pertandingan bicara berirama tentang SDG 5 : Kesaksamaan Jantina. Sediakan skrip berdurasi 3 minit dan buat persembahan di hadapan sekumpulan penonton.
33. Persatuan Pandu Puteri Daerah dipilih sebagai penganjur Majlis Sambutan Hari Peringatan Sedunia peringkat Cawangan. Sebagai seorang ahli jawatankuasa media sosial, sebarkan maklumat tentang majlis tersebut kepada semua ahli Pandu Puteri dalam cawangan.
34. Masalah kegemukan di Malaysia semakin parah dan didapati 16.8 juta rakyat mengalami obesiti. Dengan menggunakan kaedah yang menarik, sebarkan kepada sekumpulan Pandu Puteri tentang masalah tersebut dan kendalikan satu aktiviti yang dapat menangani masalah obesiti di kalangan remaja.
35. Masalah pencemaran air amat merusuhkan dan boleh menjejaskan kesihatan masyarakat. Sebagai seorang ahli Pandu Puteri yang sedar dengan masalah ini, sesuaikan program SDG 6 : Clean Water and Sanitation, untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang masalah ini.
36. Sebagai seorang calon Pandu Puteri Raja, gunakan cara yang kreatif untuk menyampaikan maklumat tentang pemakaian pakaian seragam dan aksesori Pandu Puteri Remaja dan Renjer yang betul kepada sekumpulan ahli Pandu Puteri baharu.

37. Andainya anda diberi peluang untuk menambahbaikkan syarat-syarat dan ujian lencana kecakapan Asia Pasifik WAGGGS, kongsi idea anda.
38. Orang ramai digalakkan untuk mengurangkan pemakanan daging demi kesihatan dan pemeliharaan sumber Bumi. Bagaimanakah amalan ini dapat dikaitkan dengan SDG?
39. Rancangkan Majlis Sambutan Hari Peringatan Sedunia di sekolah anda. Aktiviti-aktiviti seharusnya berdasarkan kepada tema semasa. Hasilkan buku program bagi acara tersebut.
40. Sebagai penyahut Kempen Kitar Semula, rancangkan satu aktiviti yang akan dilakukan oleh Pasukan Pandu Puteri di sekolah anda untuk menyokong kempen tersebut.
41. Sebagai usaha menyemai kepentingan mengitar semula di kalangan kanak-kanak, anda dan rakan-rakan akan menghiasi taman di tadika berhampiran dengan barang-barang yang dikitar semula. Rancang dan lakarkan gambaran taman tersebut untuk dibentangkan kepada pengurus tadika tersebut.
42. Pencemaran air semakin berleluasa lantaran kurangnya kesedaran dalam kalangan masyarakat. Sebagai seorang ahli Pandu Puteri yang sedar akan kepentingan kelestarian alam sekitar; kongsi langkah-langkah yang boleh diambil oleh ahli masyarakat untuk menangani pencemaran air.
43. Generasi muda digalakkan untuk membina masa depan lestari menerusi program kitar semula. Motivasikan ahli Pandu Puteri di sekolah anda untuk menyertai Kempen Kitar Semula dan bentangkan pelaksanaannya.
44. ‘Seorang Pandu Puteri melindungi haiwan dan sentiasa memelihara alam sekitar’ merupakan satu daripada undang-undang Pandu Puteri. Sebagai ahli Pandu Puteri, bagaimanakah anda boleh menyumbang ke arah kelestarian alam sekitar dan haiwan.
45. Aktiviti manusia menyumbang kepada masalah kepupusan spesies haiwan di Malaysia. Dengan menggunakan cara yang kreatif dan sesuai, sebarkan maklumat tentang satu spesies haiwan yang hampir pupus di Malaysia dan terangkan peranan anda untuk melindungi haiwan tersebut.
46. Andainya anda diberikan peluang untuk menjadi Ketua Pesuruhjaya, apakah perubahan yang anda ingin melaksanakan supaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia menjadi lebih menarik kepada kalangan gadis remaja di sekolah dan di institusi pengajian tinggi?
47. WAGGGS terdiri daripada lima rantau dan 152 buah negara menjadi anggotanya. Kongsi maklumat mengenai WAGGGS kepada sekumpulan ahli Pandu Puteri Renjer.
48. Andainya anda diberi peluang, cadangkan tiga tema sambutan Hari Peringatan Sedunia untuk tiga tahun yang berturutan. Wajarkan cadangan anda.
49. Kongsi perjalanan dan pengalaman anda sebagai seorang calon Pandu Puteri Raja dengan sekumpulan ahli Pandu Puteri Remaja yang berpotensi.

50. Kampung anda dilanda banjir. Bagaimanakah anda mengaplikasikan undang-undang Pandu Puteri dalam membantu mangsa banjir?
51. WAGGGS terdiri daripada 5 rantau dan Asia Pasifik merupakan satu daripada rantau tersebut. Bandingkan rantau lain dengan Rantau Asia Pasifik WAGGGS.
52. Hasilkan satu permainan yang dapat mendalami kefahaman ahli-ahli baharu terhadap Persetiaan dan Undang-undang Pandu Puteri.
53. Dengan menggunakan kaedah yang kreatif, hasilkan satu kuiz tentang 17 Matlamat Perkembangan Mampan (Sustainable Development Goals) dan laksanakannya dengan sekumpulan ahli Pandu Puteri.
54. Hasilkan satu saluran berita berdurasi 20 minit. Berita harus meliputi berita Pandu Puteri di negara sendiri dan di luar negara serta maklumat yang bermanfaat kepada ahli Pandu Puteri.
55. Infrastruktur sekolah amat penting untuk pendidikan yang berkesan. Kemukakan aspek infrastruktur yang boleh dipertingkatkan di sekolah anda untuk menjadikan suasana pembelajaran lebih kondusif.
56. Seorang ahli keluarga anda menghidap penyakit berjangkit. Berikan nasihat kepada keluarga anda untuk mencegah penularan penyakit sementara menunggu rawatan kepakaran.
57. Anda telah diminta untuk membimbing sekumpulan ahli pandu puteri yang berkeperluan khas (special needs). Bagaimanakah anda dapat menolong mereka menghayati undang-undang pandu puteri dengan pendekatan yang kreatif dan mudah difahami?
58. Pendidikan khas ialah perkhidmatan dan kemudahan pendidikan yang disediakan untuk individu istimewa atau kurang upaya. Bagi membolehkan murid berkeperluan khas (MBK) melanjutkan pelajaran, persediaan infrastruktur amat penting. Apakah aspek infrastruktur yang harus ditambahbaik supaya sekolah anda kondusif untuk pendidikan khas.
59. Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang diperkenalkan pada tahun 2015 oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu berfungsi sebagai rangka tindakan penting negara untuk merangka polisi bagi memastikan masa depan mampan untuk rakyat. Bagi setiap SDG, cadangan amalan anda untuk merealisasikan objektifnya.
60. Dengan merujuk kepada kelengkapan di rumah anda, kongsi cara atau penyesuaian yang boleh dilakukan untuk menjadikannya rumah cekap tenaga.
61. Earth Hour ialah acara kesedaran global mengenai perubahan iklim dan penggunaan tenaga. Ia disambut pada hari Sabtu pada bulan Mac setiap tahun. Rancang cara menyambut Earth Hour dan raikannya bersama ahli-ahli Pandu Puteri yang lain.

62. Negeri anda merupakan sebuah negeri yang menarik, terkenal dengan keindahan, kebudayaan, dan makanan. Promosikan keunikan negeri ini dengan menggunakan cara yang kreatif.
63. Persatuan Pandu Puteri sekolah anda akan mengadakan pertandingan kraf tangan menggunakan surat khabar terpakai sebagai bahan utama. Anda telah dilantik sebagai ahli jawantankuasa promosi. Promosikan pertandingan ini.
64. Rekaciptakan sebuah zoo mini 3-dimensi di tempat ujian anda daripada bahan yang sedia ada. Di zoo ini terdapat beberapa ekor haiwan yang hampir pupus. Anda sebagai seorang pelatih veterinar akan menggunakan kaedah yang menarik untuk berkongsi maklumat tentang haiwan-haiwan tersebut.
65. PIBG sekolah anda berhasrat memupuk minat membaca di kalangan pelajar dengan mendirikan pondok-pondok bacaan. Apakah sumbangan ahli Pandu Puteri untuk menjayakan projek ini?
66. Pandemik Covid-19 yang melanda dunia telah memberi impak yang besar kepada sektor pendidikan di negara Malaysia. Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan kaedah pembelajaran dalam talian menggantikan kaedah pembelajaran secara bersemuka. Pilih satu aktiviti dari program Pandu Puteri dan tunjukkan cara melaksanakannya dalam talian.
67. Rancangkan satu lawatan sehari ke tempat menarik di bandar anda untuk seorang ahli Pandu Puteri dari luar negara.
68. Hasilkan satu orkestra yang terdiri daripada pelbagai alat muzik yang direka cipta daripada bahan sedia ada. Buat persembahan satu lagu Pandu Puteri diiringi muzik orkestra yang dihasilkan.
69. Pasukan Pandu Puteri telah diberikan tanggungjawab untuk menghasilkan satu taman herba di sekolah. Bentangkan perancangan anda dan nyatakan jenis tanaman herba yang akan ditanam.
70. Wajarkan pilihan anda. "Program Pendidikan Inklusif" ertinya suatu program pendidikan bagi murid berkeperluan pendidikan khas yang dihadiri oleh murid berkeperluan khas bersama sama dengan murid lain dalam kelas yang sama di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan. Bagi merealisasikan konsep "Program Pendidikan Inklusif", sekolah harus mempunyai infrastruktur dan kemudahan yang sesuai untuk murid berkeperluan khas. Kongsikan pendapat anda.
71. Andainya anda diberi kuasa, apakah penambahbaikan kepada kurikulum semasa untuk menyediakan pelajar yang bakal mengharungi alam pekerjaan?
72. Masalah pencemaran sisa elektronik semakin menjadi-jadi seiring dengan kepesatan teknologi mendatangkan kesan negatif kepada alam sekitar. Kemukakan cara untuk mendidik golongan muda untuk menguruskan sisa elektronik dengan cara yang betul.

